

01 FEB 2003

NAM-Setem (Bergambar)

POS MALAYSIA LANCAR SETEM KENANGAN SIDANG KEMUNCAK NAM KE-13

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Peminat setem berpeluang untuk menambahkan koleksi kenangan apabila Pos Malaysia Bhd mengabadikan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 di sini dari 20 hingga 25 Feb ini dalam bentuk setem.

Pengurus Bahagian Setem & Filateli, Pos Malaysia Che Soh Che Awang berkata Sidang Kemuncak NAM adalah peristiwa bersejarah dan penting bagi negara dan ia wajar diabadikan.

Beliau berkata setem NAM akan membantu memperkenalkan acara negara yang julung-julung kali berlangsung di Malaysia.

"Peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam negara ini boleh dipaparkan melalui setem, jadi masyarakat antarabangsa dan masyarakat kita akan mengingati kita (Malaysia) sebagai tuanrumah.

"Peristiwa-peristiwa ini akan menaikkan imej Malaysia di mata dunia," katanya.

Che Soh berkata Pos Malaysia juga akan melancarkan setem kenangan sempena mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang akan berlangsung di sini Oktober ini.

Majlis pelancaran setem kenangan dan sampul surat hari pertama sempena Sidang Kemuncak NAM akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 6 Feb bersama-sama dengan duit syiling peringatan dan buku Program Kerjasama Teknik Malaysia (PKTM).

Para peminat setem boleh mendapat empat rekabentuk menarik setem NAM dalam nilai RM0.30 dan RM0.50 yang dijual secara berpasangan (setenant).

Bagi setem RM0.30, logo NAM dipaparkan dengan berlatarbelakangkan bendera Malaysia.

Manakala satu daripada setem RM0.50 memaparkan logo NAM dengan berlatarbelakangkan peta Malaysia dan satu lagi setem RM0.50 yang memberi "highlights" untuk 2003 pula menyelitkan logo NAM di salah satu angka sifarnya.

Sampul surat hari pertama pula dijual pada harga RM1.90.

Lebih tiga juta produk filateli ini akan mula dijual di semua pejabat pos di seluruh negara mulai 6 Feb.

Untuk berita berkaitan NAM, layari laman web wwwnam2003.com

-- BERNAMA

LES MFJ PR